

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
(KUALA SELANGOR)**

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN : Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Skwad Perpaduan yang dilancarkan sempena Program Penyatuan Nasional 2014 dapat mengeratkan hubungan perpaduan di peringkat akar umbi sekaligus mencegah rakyat dari terpengaruh dengan tindakan provokasi kaum yang dilakukan oleh segelintir individu yang ingin menghancurkan keamanan dan keharmonian negara.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Untuk makluman, Skwad Perpaduan (Skuad Uniti) telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 9 Mac 2014. Skwad Perpaduan merupakan gerakan sosial peringkat akar umbi (Social Grassroot Movement) yang dilaksanakan dengan melibatkan jaringan kerjasama antara komuniti dengan agensi-agensi tempatan lain untuk memberikan perkhidmatan kepada komuniti.

Sebanyak 10 pasukan Skuad Perpaduan telah diwujudkan daripada bilangan sasaran penubuhan sebanyak 16 buah pasukan pada tahun 2014. Matlamat utama penubuhannya adalah sebagai pasukan “bantu mula” iaitu pasukan pertama yang menerima, menyampaikan maklumat dan membantu mangsa serta golongan sasaran ketika kecemasan di peringkat komuniti.

Terdapat 4 aspek utama yang menjadi pegangan dan teras Skuad Perpaduan iaitu Tolong Menolong, Kerjasama, Bantu-Membantu dan Jaringan. Perkara tersebut telah menjadi asas dalam pelaksanaan tindakan Skuad Perpaduan seterusnya memberikan impak hubungan yang erat dalam kalangan masyarakat di peringkat akar umbi. Antara program yang memberi keutamaan kepada aspek tolong menolong adalah melalui program keselamatan komuniti, mediasi komuniti, perdampingan sosial, khidmat komuniti dan gotong royong. Manakala antara program yang memberi keutamaan kepada aspek kerjasama adalah jalinan dengan pertubuhan, NGO, pemimpin masyarakat, Jawatankuasa Surau/Rumah Ibadah, PIBG dan pihak sekolah.

Aspek bantu membantu pula diutamakan misalnya dalam program semangat muhibah, kejiranan, patriotism, toleransi budaya dan agama serta program silang budaya. Manakala aspek jaringan ditumpukan terutamanya semasa pelaksanaan program bersama dengan agensi kerajaan lain, serta pihak swasta dan korporat.

Fungsi utama Skuad Perpaduan dalam hal ini adalah dalam membantu mangsa, mempercepatkan bantuan, mendidik, memperkasa dan menyelaras. Antara aktiviti dan program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

- i. Menyediakan maklumat lokaliti dan profail kawasan;
- ii. Menerima dan menyalurkan maklumat kepada agensi berkaitan;
- iii. Memberi khidmat nasihat dan menyelaras bantuan, mempercepatkan bantuan dan memberi pendidikan;
- iv. Memberi semangat, dorongan dan motivasi kepada masyarakat;
- v. Sebagai sumber rujukan kepada pihak-pihak yang memerlukan maklumat berkaitan;
- vi. Bersedia memberikan perkhidmatan pada bila-bila masa yang diperlukan

(semasa kejadian dan on call);

- vii. Menyelesaikan isu-isu dan perbalahan kecil-kecilan sebelum penyelesaian melalui Mediator Komuniti; dan
- viii. Membina jaringan dan rangkaian kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, NGO dan badan swasta yang berkenaan.